JUN 19, 2021

PENDEKATAN BAHARU UNTUK MENYAMPAIKAN ILMU SUNTINGAN

Oleh: Nurul Syazana Aziz

SERDANG, 19 Jun - Sekretariat Penerbitan dan Pengurusan Korporat, Kolej Tun Dr Ismail (KTDI), UPM sesi 2020/2021 telah melaksanakan Bengkel Pendedahan Suntingan 1.0 yang telah berlangsung selama beberapa minggu dengan menggunakan medium YouTube.

Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memperkasakan kemahiran suntingan dan juga mencungkil bakat-bakat kreatif pelajar dalam rekaan bahan-bahan media khususnya di dalam kalangan ahli Sekretariat Penerbitan dan Pengurusan Korporat (PeSKO), KTDI dan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bengkel ini telah menyediakan platform kepada ahli PeSKO dan pelajar UPM untuk memantapkan kemahiran suntingan dengan menggunakan aplikasi yang profesional seperti *Adobe*.

Selain itu, bengkel ini juga dapat menambah ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan awal berkaitan dengan suntingan dan rekaan-rekaan poster yang sesuai dengan pelbagai jenis tema.

Bengkel ini diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang mampu membuat pelbagai rekaan-rekaan kreatif dengan menggunakan teknologi-teknologi profesional.

Pelajar yang menyertai bengkel ini akan memperolehi tiga aplikasi profesional iaitu aplikasi '*Adobe Illustrator*, *Adobe Photoshop dan Adobe Premiere Pro*' dengan membayar yuran penyertaan sebanyak RM5 bagi setiap peserta yang menyertai bengkel ini.

Bengkel ini telah diadakan di aplikasi *YouTube* dengan penyertaan peserta hampir 100 orang yang sedia menimba ilmu pengetahuan tambahan mengenai kemahiran suntingan dan proses-proses penting dalam suntingan video, poster dan pelbagai rekaan media kreatif.

Bengkel ini telah dimulakan dengan video pertama yang dimuat naik pada tarikh 13 Mac 2021 di dalam saluran *YouTube* rasmi KTDI yang telah menerangkan tentang cara-cara membuat bahan media kreatif dengan menggunakan aplikasi *Canva*.



Video pertama yang dimuat naik di *YouTube*

Selepas itu, para peserta akan diberi satu tugasan yang berkait rapat dengan isi kandungan video tersebut dan para peserta akan diberi masa selama seminggu untuk menghantar hasil pembelajaran tersebut.

Hal ini secara tidak langsung dapat mendorong para pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari dari video-video yang dibekalkan pada setiap minggu di *YouTube*.

"Saya berpuas hati dapat mempelajari cara-cara editing yang bersesuaian dengan pelbagai acara dengan menggunakan pelbagai aplikasi. Saya berharap program bermanfaat sebegini akan diadakan lagi pada masa hadapan" kata Aliya iaitu salah seorang peserta bengkel ini.

Tujuan utama pihak pengurusan untuk menggunakan *YouTube* sebagai medium penyampaian bengkel adalah kerana untuk mengaktifkan semula *Youtube* KTDI dan juga untuk mengatasi masalah-masalah teknikal yang boleh berlaku di program yang dilakukan secara langsung seperti masalah *lag*.

Bengkel ini telah berakhir dengan memuat naik video terakhir pada 19 Jun 2021 yang berkaitan dengan cara suntingan menggunakan aplikasi *Procreate* iaitu video ke-14 yang dimuat naik di saluran *Youtube* rasmi KTDI.